

‘Dimanakah Kurangnya?’: Memahami Komunikasi Keluarga Dalam Kalangan Remaja Merokok

‘Where Are The Lacks?’: Understanding Family Communication Among Adolescent Smoking

Nur Nadhirah Mohd Fohid
¹Norulhuda Sarnon

Program Kerja Sosial
Pusat Kajian Psikologi Dan Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: ¹norul@ukm.edu.my

ABSTRAK

Statistik peningkatan penglibatan remaja dalam isu penyalahgunaan bahan terus meningkat secara global di serata dunia dan keadaan ini semakin serius dari tahun ke tahun. Di ruangan akhbar banyak menunjukkan situasi dimana golongan remaja merupakan sebahagian golongan yang menyumbang kepada statistik bilangan perokok di Malaysia. Peningkatan aktiviti merokok dalam kalangan remaja ini juga berkemungkinan bermula daripada keluarga itu sendiri. Kelemahan komunikasi dalam keluarga juga merupakan antara faktor penyumbang peningkatan aktiviti merokok dalam kalangan remaja. Kertas kerja ini adalah merupakan kertas konsep berkaitan isu komunikasi keluarga dalam kalangan remaja merokok. Definisi komunikasi keluarga dalam kalangan remaja merokok dibincangkan dengan terperinci mengikut perspektif bidang sains sosial. Selain itu, konsep komunikasi keluarga akan dibincangkan mengenai kajian-kajian terdahulu dalam dan luar negara. Teori pembelajaran sosial yang diperkenalkan oleh Bandura telah dipilih dalam memberi kefahaman tentang tingkahlaku merokok yang ditunjukkan oleh remaja dipelajari daripada pemerhatian dan peniruan daripada orang sekeliling mereka. Adalah diharapkan ibu bapa yang mempunyai anak yang masih remaja dapat lebih cakna dalam isu merokok sebagai satu benteng pencegahan.

Kata kunci: *Komunikasi, keluarga, remaja, merokok, ibu bapa*

ABSTRACT

The statistics of increasing involvement of teenagers in the issue of substance abuse continues to increase globally all over the world and this situation is getting more serious from year to year. In the newspaper column, many people show the situation where teenagers are part of the group that contributes to the statistics of the number of smokers in Malaysia. The increase in smoking among teenagers is also likely to start from the family itself. Poor communication in the family is also one of the contributing factors to the increase in smoking among teenagers. This paper is a concept paper related to the issue of family communication among teenagers who smoke. The definition of family communication among adolescent smokers is discussed in detail from a social science perspective. In addition, the concept of family communication will be discussed about previous studies in and outside the country. The social learning theory introduced by Bandura was chosen to give an understanding of the smoking behavior shown by teenagers learned from observation and imitation from those

around them. It is hoped that parents who have children who are still teenagers can be more aware of the issue of smoking as a preventive measure.

Keywords: *Communication, family, youth, smoking, parents*

1. Pengenalan

Kajian mendapati bahawa Statistik peningkatan penglibatan remaja dalam isu penyalahgunaan bahan terus meningkat secara global di serata dunia dan keadaan ini semakin serius dari tahun ke tahun (Norhayati, 2018). Begitu juga keadaannya di Malaysia, tingkahlaku merokok itu seperti perkara biasa yang dilakukan oleh rakyat tidak kira umur. Kita boleh lihat di ruangan akhbar banyak menyatakan bahawa golongan remaja merupakan sebahagian golongan yang menyumbang kepada statistik bilangan perokok di Malaysia. Hal ini demikian kerana kajian-kajian lepas mendapati awal remaja iaitu dalam lingkungan umur 12 hingga 16 tahun adalah tempoh perkembangan yang signifikan peralihan risiko penyalahgunaan bahan. Menurut Krank et al. (2011) kebanyakan remaja pada usia ini kali pertama mencuba bukan hanya dadah tetapi juga alkohol, tembakau, ganja dan dadah terlarang yang lain (Flight, 2007). Remaja yang pernah cuba mengambil bahan terlarang pada usia muda biasanya akan lebih berisiko mengambil bahan terlarang yang lain pada masa akan datang. Mungkin pada usia muda mereka berani untuk cuba merokok dan lama kelamaan berkemungkinan remaja tersebut boleh terdedah dengan pengambilan bahan terlarang yang lain seperti dadah. Selain itu, pada usia ini juga golongan remaja mempunyai sifat ingin tahu yang tinggi menyebabkan mereka dilihat sebagai golongan yang mudah terjebak dengan pengaruh negatif. Tingkahlaku merokok dianggap sebagai aktiviti negatif yang boleh memberi kesan terhadap kesihatan khususnya kepada individu, keluarga dan masyarakat (Mahathir Yahaya, 2018). Tingkahlaku merokok ialah tingkahlaku yang membakar salah satu bahan tembakau yang dimaksudkan untuk dibakar, dihisap atau dihirup yang dihasilkan dari tanaman *tabacum*, *nocotina rustica* dan spesis lainnya atau bahannya mengandungi nikotin dan tar, dengan atau tanpa bahan tambahan (Komasari, 2000).

2. Kajian Lepas: Isu Tingkah Laku Merokok Dalam Kalangan Remaja

Aktiviti merokok dalam kalangan remaja di Malaysia semakin serius walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan untuk mengurangkan jumlah remaja merokok. Hal ini perlu dipandang serius oleh semua lapisan masyarakat. Terdapat satu laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian kesihatan Malaysia yang menyatakan bahawa setiap hari lebih kurang 45 hingga 59 orang remaja di bawah umur 18 tahun mula merokok di negara ini. Walaupun banyak kempen yang telah dijalankan tetapi hari demi hari semakin ramai remaja yang terlibat dengan gejala merokok. Kita semua maklum bahawa gejala merokok bukan sahaja satu gejala yang tidak sihat tetapi boleh mendatangkan penyakit yang berbahaya kepada perokok dan boleh menyebabkan kematian. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebanyak 4 juta orang meninggal dunia setiap tahun akibat merokok. Antara penyakit yang berbahaya ialah kanser paru-paru, brokitis, strok dan banyak lagi. Paling dirisaukan juga ialah gejala merokok ini juga boleh mengganggu kesihatan orang lain yang terhidu asap rokok.

Terdapat kesan yang diperoleh oleh remaja apabila terlibat dengan gejala merokok. Antaranya ialah penyakit yang berbahaya disebabkan oleh kandungan yang berbahaya di dalam rokok. Kandungan di dalam rokok seperti nikotin, minyak tar merupakan antara bahan yang berbahaya yang boleh menyebabkan seseorang itu menghidap penyakit yang berbahaya seperti kanser paru-paru dan penyakit jantung. Selain itu, merokok juga boleh menyebabkan seseorang itu mendapat kanser mulut, kulit, bibir dan kerongkong. Hal ini demikian kerana tar yang terkandung di dalam rokok dapat mengikis selaput lendir di mulut, bibir dan kerongkong. Banyak usaha yang telah dijalankan tetapi kegiatan merokok dalam kalangan remaja masih tidak berkurangan. Pengkaji menjalankan kajian ini juga kerana pengkaji mendapati kajian terhadap kegiatan merokok dalam kalangan remaja yang boleh memberi kesan terhadap kesihatan fizikal dan tekanan amat kurang dijalankan.

3. Metodologi

Artikel ini merupakan kertas konsep yang khusus bertujuan untuk memahami pola komunikasi keluarga dalam kalangan remaja merokok. Sehubungan itu, kajian-kajian terdahulu diteliti untuk membincangkan definisi komunikasi keluarga dan tingkahlaku remaja merokok, kajian literatur berkenaan komunikasi keluarga dan tingkahlaku merokok dalam kalangan remaja serta teori yang dipilih iaitu Teori Pembelajaran Sosial yang diperkenalkan oleh Albert Bandura. Skop artikel ini adalah mengkhusus kepada golongan remaja yang terlibat dengan tingkahlaku merokok.

4. Hasil Kajian dan Perbincangan

4.1 Definisi Komunikasi Keluarga

Menurut F.Pramono et.al (2017) bahawa komunikasi keluarga ialah hubungan atau komunikasi interpersonal yang tahan lama, intim dan nyata. Hubungan kekeluargaan sangat mempengaruhi mental dan fungsi psikologi serta kesejahteraan. Komunikasi interpersonal menurut Widjaya (2000) ialah hubungan timbal balik antara anggota keluarga untuk berkongsi masalah dan kasih sayang dalam keluarga. Komunikasi interpersonal yang baik dapat meningkatkan perkembangan pemahaman moral yang baik kepada seseorang remaja. Mar'at (2008) menegaskan bahawa komunikasi keluarga merupakan suatu proses di mana individu memperhatikan, merespon terhadap individu lain, sehingga direspon dengan suatu tingkah laku tertentu. Efendy (2008) mengemukakan bahawa komunikasi adalah proses penyampaian suatu pesan oleh seseorang kepada orang lain untuk memberi tahu, mengubah sikap, pendapat, atau tingkahlaku secara lisan ataupun tidak langsung melalui media.

4.2 Definisi Tingkahlaku Merokok

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, merokok ialah menghisap atau memasukkan sesuatu dengan tarikan udara, menyedut masuk ke dalam hisung iaitu asap tembakau yang digulung dalam daun nipah. Menurut Aritonang (1997), merokok didefinisikan sebagai perbuatan yang kompleks kerana ia merupakan hasil interaktif dari kognitif, lingkungan sosial, keadaan psikologi dan keadaan fisiologi. Secara kognitif, perokok tidak menunjukkan keyakinan yang tinggi terhadap bahaya yang

didapati daripada merokok. Perokok juga berpendapat bahawa merokok tidak merosakkan kesihatan jika perokok mengamalkan gaya hidup sihat. Menurut Hardinge, dkk (2001), menyatakan bahawa merokok adalah salah satu kebiasaan atau pola hidup yang tidak sihat. Beliau juga menyatakan bahawa perbuatan merokok bukan hanya menyebabkan berbagai penyakit malah dapat meningkatkan jumlah penyakit lain. Menurut (Ni Luh Putu Yuni Sanjiwani, 2014), perbuatan merokok adalah aktiviti membakar dan menghisap tembakau kemudian mengeluarkan asapnya yang boleh terhidup oleh orang lain. Menurut Pusat Kawalan untuk Pencegahan Penyakit 2002, merokok adalah aktiviti yang boleh menyebabkan kematian. Merokok juga boleh merugikan tahap kesihatan seperti bronchitis, asma dan barah terkenal. Menurut Sitepoe (2005), tingkahlaku merokok adalah suatu tingkahlaku yang melibatkan proses membakar tembakau yang kemudian asapnya dihidap menggunakan rokok ataupun pipa. Tingkahlaku merokok bukan hanya ada dalam kalangan orang dewasa, namun juga pada kalangan remaja.

4.3 Kajian Literatur Komunikasi Keluarga

Kajian yang dijalankan oleh Rejeki (2008) mengenai hubungan antara komunikasi interpersonal dalam keluarga dengan pemahaman moral pada remaja. Berdasarkan hasil penelitian diketahui bahawa hipotesis penelitian ini ditolak, bermakna tiada ada hubungan antara komunikasi interpersonal dalam keluarga dengan pemahaman moral pada remaja. Hasil kajian ini ditolak berkemungkinan adanya faktor lain iaitu faktor pola asuh ibu bapa dalam keluarga. Pola asuh ataupun didikan ibu bapa adalah cara yang perlu diterapkan oleh ibu bapa kepada anak. Dalam keluarga terdapat perbezaan didikan yang diterapkan oleh ibu bapa kepada anak-anak. Selain faktor persekitaran, faktor keluarga adalah faktor yang sangat berpengaruh terhadap pemahaman moral remaja. Pendapat ini disokong oleh Yusuf (2006) yang menyatakan bahawa ada beberapa faktor yang berkait rapat di antara pemahaman moral remaja antara konsistensi dalam mendidik anak, penghayatan dan pendidikan agama yang kuat dan sikap yang ditunjukkan oleh ibu bapa kepada anak-anak. Ibu bapa merupakan faktor utama untuk perkembangan anak. Dalam sistem sosial juga, ibu bapa merupakan sistem utama dalam perkembangan anak.

4.4 Kajian Literatur Tingkahlaku Merokok

Kajian yang dijalankan oleh Hussin (2004) iaitu bertajuk “*Dasar Warga Sihat: Isu Psikologi Faktor Remaja Sekolah*” merupakan kajian yang membincangkan mengenai faktor remaja sekolah terlibat dengan gejala merokok. Dalam kajian ini, banyak faktor yang menyebabkan remaja terlibat dengan aktiviti merokok antaranya ialah keseronokan. Seramai 3,125 (41.6%) remaja menyatakan kebosanan sebagai sebab yang kuat bagi menghisap rokok, dan seramai 1,450 (19.5%) pula menyatakan sebab itu sebagai sederhana. Walau bagaimanapun, seramai 2,777 (37.0%) remaja menyatakan bahawa kebosanan bukanlah sebab penting bagi mereka merokok. Skor min ialah 2.98, iaitu ke arah aras sederhana setuju, dan ini menunjukkan bahawa kebosanan merupakan sebab yang agak berpengaruh untuk mendorong remaja untuk merokok. Dapatan kajian ini mendapati bahawa golongan remaja merokok adalah disebabkan untuk meredakan tekanan, menghilangkan kebosanan dan kesunyian. Sari et.al (2003) mengkaji tentang sikap empati golongan remaja terutamanya remaja pertengahan dan remaja akhir menghisap rokok di kawasan umum. Berdasarkan

hasil pemerhatian oleh pengkaji menunjukkan bahawa ada hubungan negatif tingkahlaku merokok di tempat umum dengan golongan remaja. Semakin tinggi empati maka tingkahlaku merokok ditempat umum semakin berkurang. Sebaliknya, semakin rendah empati maka tingkahlaku merokok di tempat umum semakin meningkat.

Kajian oleh Trisanti, I (2016) mengenai remaja dan tingkahlaku merokok di Sekolah Muhamadiyah Kudus . Tujuan kajian ini dijalankan untuk melihat faktor yang menjadi punca remaja terlibat dengan merokok. Dalam kajian ini, ia memfokuskan kepada faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman seperti umur, jantina, dan tekanan. Manakala faktor luaran pula seperti pengaruh ahli keluarga, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh iklan. Hasil kajian mendapati bahawa faktor dalaman menunjukkan peratusan yang paling tinggi iaitu 0.062 berbanding faktor luaran iaitu sebanyak 0.00 yang mempengaruhi mahasiswa untuk merokok. Terdapat beberapa cadangan yang boleh dijalankan seperti menjalankan aktiviti yang berfaedah seperti bersukan dan aktiviti keagamaan untuk mengalihkan remaja dari melakukan merokok. Selain itu, bahagian bimbingan dan kaunseling di sekolah juga memainkan peranan yang penting untuk memberikan bimbingan supaya remaja lebih berdisiplin dan pandai memilih rakan.

Menurut kajian Chong,G (2020), faktor tingkahlaku merokok dalam kalangan remaja adalah disebabkan perasaan ingin mencuba sesuatu yang baharu. Hal ini demikian kerana remaja merupakan tahap umur dimana mereka ingin mencuba sesuatu yang mereka lihat dilakukan oleh orang dewasa. Faktor ini mempunyai peratusan yang tinggi berbanding faktor yang lain. Hal ini demikian kerana di usia remaja mereka mengalami perubahan dari segi peningkatan usia, pemikiran dan keadaan sekeliling. Seterusnya, faktor lain remaja terlibat dengan kegiatan merokok adalah disebabkan pengaruh rakan sebaya. Perkara ini disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Mahathir (2018) kerana kajian yang dilakukan juga menyatakan bahawa pengaruh rakan sebaya merupakan punca remaja terlibat dengan gejala merokok. Selain itu, faktor lain yang menyebabkan remaja terlibat dengan kegiatan merokok adalah disebabkan kurang perhatian oleh ibu bapa. Di dalam kajian ini mendapati bahawa ibu bapa kurang berada di rumah dan sering sibuk dengan kerja. Hal ini menyebabkan anak-anak bosan untuk duduk di rumah dan mengisi masa lapang dengan mencuba perkara yang tidak memberi manfaat iaitu merokok. Kurang perhatian oleh ibu bapa terhadap anak-anak menyebabkan hubungan anak-anak dan ibu bapa menjadi renggang.

4.5 Teori Pembelajaran Sosial untuk Mengetahui Penglibatan Tingkahlaku Merokok dalam Kalangan Remaja

Tingkahlaku merokok dalam kalangan remaja boleh dikaitkan dengan Teori Pembelajaran Sosial Bandura. Teori ini boleh dikaitkan dengan tingkahlaku remaja merokok kerana teori ini menyatakan pembelajaran berlaku apabila seseorang memerhati dan meniru perbuatan orang lain. Dengan kata lain, seseorang memperoleh pengetahuan melalui kejadian atau tingkahlaku yang ditunjukkan oleh orang sekeliling. Dalam teori ini, patung yang dikenali sebagai patung bobo dijadikan contoh. Dalam eksperimen tersebut, anak-anak meniru perbuatan agresif yang dari orang dewasa disekelilingnya. Teori ini memberi penekanan bagaimana tingkahlaku manusia dipengaruhi oleh orang sekitarnya melalui pembelajaran peniruan serta cara berfikir yang kita miliki terhadap sesuatu dan juga sebaliknya iaitu bagaimana tingkahlaku mempengaruhi orang

yang ada di sekitar dan menghasilkan penguatan dan peluang untuk diperhatikan oleh orang lain. Perkaitan teori ini dengan kajian ini ialah remaja yang merokok sebenarnya telah dipengaruhi oleh orang sekelilingnya. Remaja juga terikut-ikut dengan sikap negatif orang sekelilingnya yang menyebabkan mereka ingin mencuba untuk merokok. Jika remaja ini dalam lingkungan yang positif, berkemungkinan remaja ini tidak terlibat dengan tingkahlaku merokok.

Menurut (Norhayati, 2018) dalam kajiannya, remaja terlibat dengan gejala merokok disebabkan umur mereka cenderung untuk mencari rakan sebaya dan meminta pandangan dan panduan daripada keluarga. Rakan sebaya juga sebagai model contoh yang diterangkan oleh Bandura dimana remaja mungkin dipengaruhi keputusan mereka untuk merokok melalui pemerhatian idola dalam lingkungan mereka dan memahami norma sosial yang berkaitan dengan penyalahgunaan bahan.

5. Rumusan

Secara keseluruhannya, tingkahlaku merokok dalam kalangan remaja boleh dikaitkan dengan komunikasi keluarga kerana remaja yang terlibat dengan tingkahlaku merokok kebanyakannya kurang berkomunikasi atau mengadakan perbincangan dalam keluarga. Peranan ibu bapa sangat penting dalam perkara ini untuk memastikan golongan anak-anak khususnya golongan remaja tidak mudah bergaul atau terlibat dengan aktiviti yang tidak berfaedah seperti aktiviti merokok yang boleh mendatangkan kemudaratan dalam golongan remaja.

Rujukan

- Ari Tris Ochtia Sar, N. R. (2003). Empati dan Perilaku Merokok di Tempat Umum. *Jurnal Psikologi*, 81-90.
- Aziz, N. A. (2014). *Tiada Jaminan Memperoleh Makanan, Status Pemakanan dan Kesejahteraan Kesihatan dalam Kalangan Penerima Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat di Selangor*. Selangor : Universiti Putra Malaysia.
- Komasari, D. a. (2000). "Faktor-faktor penyebab perilaku merokok pada remaja.". *Jurnal Psikologi*, 37-47.
- Mahathir Yahaya, N. M. (2018). Faktor Tingkahlaku Merokok dalam Kalangan Mahasiswa Universiti. *Jurnal Personalita Pelajar*, 37-44.
- Muhson, A. (n.d.). *Teknik Analisis Kuantitatif*.
- Ni Luh Putu Yuni Sanjiwani, I. G. (2014). Pola Asuhan Permisif Ibu dan Perilaku Merokok Pada Remaja Laki-Laki di SMA Negeri 1 Semarang. *Jurnal Psikologi Udayana*, 344-352.
- Norhayati Ibrahim, R. I. (2018). Perbandingan Tahap Pengetahuan, Sikap dan Kesan Dadah dalam Kalangan Remaja Sekolah Berisiko. *Jurnal Psikologi Malaysia* , 1-11.
- Sunhee Park, R. M. (2006). The Importance of Smoking Definitions for. *Journal of*

- Korean Academy of Nursing*, 612-620.
- Flight, J. (2007). *Canadian Addiction Survey: A National Survey of Canadians' Use of Alcohol and Other Drugs: Substance Use by Youth*. Ottawa: Health Canada.
- Sari, A. T. O., Ramdhani, N., & Eliza, M. (2003). Empati dan perilaku merokok di tempat umum. *Jurnal Psikologi*, 30(2), 81-90